

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 2/1984**

---

**PENGAMBILAN TANAH UNTUK PROJEK KERAJAAN**

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua pemungut Hasil Tanah tentang hasrat kerajaan supaya pengambilan tanah rakyat untuk projek-projek Kerajaan sebolehnya dikurangkan. Dibawah ini saya paparkan isi kandungan surat daripada Dato' Setiausaha Kerajaan yang memakai Bil.SUK.KN.259/64/(35) bertarikh 18hb.Okt,1984 dimana kandungannya telah menerang dengan sendirinya.

"Kemajlis,  
Pengaruh Tanah & Galian,  
**Kelantan.**

**PENGAMBILAN BALIK TANAH UNTUK PROJEK KERAJAAN**

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri supaya pengambilan balik tanah rakyat untuk projek-projek Kerajaan dikurangkan seberapa yang bolehnya. Sungguhpun begitu di dalam keadaan-keadaan tertentu pengambilan balik tanah-tanah milik terpaksa diteruskan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan dalam Negeri ini. Di dalam hal ini adalah ditetapkan bahawa:-

- i) Pemungut-Pemungut Hasil Tanah perlu memilih seberapa boleh tanah Kerajaan yang ada dikawasan berkenaan tanpa memperhitungkan tentang kesesuaian tanah itu dari segi fizikalnya atau dari segi perancangannya. Agensi-agensi Kerajaan yang memerlukan tanah patutlah menggunakan tanah Kerajaan yang terdapat itu untuk kegunaan mereka walaupun terpaksa membelanja lebih sedikit untuk menjadikan tanah itu tapak yang sesuai bagi rancangan Kerajaan. Demikian juga tentang kedudukan tanah itu yang mana ianya tidak semestinya dalam kawasan bandar atau pekan yang berkenaan sekadar tempat itu tidak berjauhan sangat yang boleh menjejaskan perhidmatan jabatan itu.

- ii) Sekiranya tidak ada tanah Kerajaan maka Pemungut-Pemungut Hasil Tanah perlu mencari mana-mana tanah disekitar kawasan berkenaan yang empunya tidak membayar hasil di dalam beberapa tahun kebelakangan atau tanah-tanah yang terbiar yang terdapat dikawasan itu.
  
- iii) Hanya dalam keadaan ketiadaan tanah yang tersebut dalam (i) dan (ii) sahaja barulah Pemungut Hasil Tanah memperakukan tanah-tanah yang dipilih oleh Agensi-agensi Kerajaan yang memerlukan tanah-tanah Kerajaan.

Sekian.

**t.t.**

**(DATO'HAJI WAN MOHAMED B.WAN YUSOFF)**  
SETIAUSAHA KERAJAAN  
KELANTAN.

**s.k.**

Semua Ketua Jajahan."

**t.t**

**(MD.HUSSAIN BIN HASSAN)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
KOTA BHARU.**

**BERTARIKH: 5hbNovember, 1984**

**FAIL : PTG.KN.7060 JLD.2/(2)**

**KEPADA:-**

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

**SALINAN KEPADA:-**

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
3. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan
4. Juru Odit Negeri, Kelantan.
5. Pengarah Ukur Negeri, Kelantan.
6. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri, Kelantan.
7. Pegawai Tadbir dan Pegawai Pasukan Petugas Pejabat P.T.G.